



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 17 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	124 VESEL BERNILAI RM154 JUTA DITAHAN, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -37	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2. 3.	40 KONTENA SERAT BIJIRIN DIRAMPAS, NASIONAL, SH -13 MAQIS RAMPAS PRODUK BABI BERNILAI LEBIH RM500,000, NASIONAL, SH -13	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	SU PENYELUDUPAN DAN KEJAYAAN RAMPASAN, SUARA SINAR, SH -19	LAIN-LAIN

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

## 124 vesel bernilai RM154 juta ditahan

**PASIR PUTEH** - Op Naga Barat yang dilaksanakan sejak 2 Mei hingga 31 Disember lalu berjaya menahan 124 vesel melibatkan nilai sebanyak RM154 juta.

Operasi yang menggabungkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia itu berperanan membanteras pencerobohan bot nelayan asing dan penguatkuasaan undang-undang di perairan negara.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Mari-

tim, Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, kes itu melibatkan tangkapan bot nelayan asing bernilai RM133.5 juta, bot nelayan tempatan RM16.5 juta dan kapal kargo RM4 juta.

“Dari segi tangkapan pula, 89 daripadanya melibatkan bot nelayan asing Vietnam dan 35 nelayan tempatan dengan pelbagai kesalahan,” katanya di sini semalam.

Zulkarnain berkata, ia melibatkan tangkapan seramai 1,187 orang kena tuduh (OKT) iaitu Vietnam (1,033), Thailand (44), Myanmar (32), Kemboja (20) dan 58 penduduk tempatan.

Zulkarnain (tiga dari kiri) bersama wakil agensi kerajaan lain meralkn kejayaan Op Naga Barat.



# 40 kontena serat bijirin dirampas

Oat bernilai RM1.25 juta itu dibawa masuk Malaysia tanpa sijil fitosanitasi

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

BUTTERWORTH

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk 40 kontena yang mengandungi oat di Pelabuhan Pangkalan Butterworth Utara (NBCT) di sini.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, kontena yang diikrar sebanyak 1,025.68 metrik tan serat bijirin itu bernilai RM1.25

juta itu dibawa masuk tanpa sijil fitosanitasi yang dikeluarkan negara asal.

Menurutnya, pada mulanya pihaknya hanya mengesan dua kontena yang membawa bahan berkenaan pada 28 Disember tahun lalu dan 38 kontena lagi berjaya dikesan pada 6 Januari lalu.

"Aktiviti membawa masuk keluaran pertanian yang tidak mematuhi syarat import menjadi kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 15(2), akta yang sama dan boleh

didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, sijil fitosanitasi adalah sijil kesihatan tumbuhan yang dikeluarkan oleh negara pengeksport sebagai perakuan atau pengesahan bahawa rawatan atau keperluan yang dinyatakan dalam permit import telah dipatuhi.

Katanya, sijil fitosanitasi itu adalah untuk menghalang kadar kemerebakan perosak dan penyakit tumbuhan melalui perdagangan keluaran pertanian.

"Ini kerana pemindahan pelbagai jangkitan penyakit dan serangga perosak boleh berlaku melalui perdagangan antarabangsa ini," katanya.



Oat yang dirampas Maqis Pulau Pinang di NBCT pada 6 Januari lalu.

## Maqis rampas produk babi bernilai lebih RM500,000

**PELABUHAN KLANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan mengimport produk babi dari Sepanyol dalam satu operasi yang dijalankan pada 8 Januari lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alamin berkata, produk babi kira-kira 11,339 kilogram (kg) bernilai RM552,752.63 itu dirampas di Pintu Masuk Pelabuhan Klang Barat.

Menurutnya, produk babi terbabit ditahan kerana tidak mematuhi syarat import permit yang ditetapkan.

"Produk ini tidak mematuhi syarat import iaitu



Pegawai Maqis Selangor menunjukkan produk babi yang dirampas di Pintu Masuk Pelabuhan Klang Barat minggu lalu.

pengangkutan yang tidak mengikut syarat import yang dinyatakan dalam import permit dan tidak menepati ciri-ciri kebersihan.

"Kita sentiasa teliti dalam menjalankan pemeriksaan bagi memasti-

kan setiap kemasukan dagangan ke dalam Malaysia adalah selamat dan berkualiti," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, kes berkenaan akan disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan

Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

## Rumah kongsi PATI digempur

**BANTING** - Sebuah rumah kongsi yang didiami pendatang asing tanpa izin (PATI) di Jalan Sungai Mas di sini digempur polis dalam serbuan Ops Bersepadu awal pagi kelmarin.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin berkata, operasi diketuai Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor itu dijalankan kira-kira jam 2 pagi dengan kerjasama Pasukan Gerakan Am (PGA) Semenyih, Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Seramai 347 individu diperiksa dalam operasi terbabit dan 53 daripadanya termasuk lima wanita berusia lingkungan 20 hingga 50-an melakukan kesalahan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Noor Azam berkata, pemeriksaan lanjut mendapati PATI yang ditahan membabitkan 27 warga Indonesia dan Bangladesh (26).

"Siasatan terus dijalankan dan kesemua tangkapan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63," katanya.

Tegasnya, pihaknya memandang serius isu PATI dan operasi sedemikian akan terus dijalankan.

# Isu penyeludupan dan kejayaan rampasan



ANALISIS  
MUKA 16

PUPE RAHAIZAD DARSONO

**P**enyeludupan rentas sempadan bukan isu baharu. Perkara itu diakui oleh Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menyatakan bahawa isu penyeludupan dan sebagainya di sempadan negara memang disedari sudah lama berlaku.

Pendedahan rakaman video oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menunjukkan aktiviti penyeludupan dan pembolosan di sempadan Malaysia-Thailand pada 18 Oktober 2019 umpama membuka mata pihak berkuasa.

Rakaman video yang ditunjukkan membabitkan aktiviti penyeludupan di sempadan Padang Besar, Perlis dan Kompleks Kastam, Imigrasi dan Kuarantin (CIQ) Padang Besar.

Klip video antara tahun 2017 hingga Mei 2019 itu antara lain menunjukkan penyeludup memotong pagar sempadan dan membawa keluar barang bersubsidi, selain anggota keselamatan kelihatan tidak mengambil tindakan.

Pendedahan klip video itu mungkin menunjukkan ada ketirisan dalam penguatkuasaan di sempadan namun tidak boleh dinafikan komitmen dan kecekapan anggota keselamatan di sempadan negara hingga mampu menumpaskan cubaan menyeludup.

Kejayaan polis merampas dadah bernilai RM144.9 juta di sekitar Lembah Klang kelmarin sekali gus telah membongkar kegiatan sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah yang menjadikan kediaman mewah sebagai tempat pengoperasiannya.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, polis merampas dadah disyaki syabu seberat 309.8 kilogram (kg), heroin base (12.7kg), pil ekstasi (637.7 kg), pil erimin 5 (564.8 kg), ketamin (3.4kg) dan kokain (6.5kg).

## Membanteras

Menurut Abdul Hamid, pihak Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik juga akan mengadakan pertemuan dengan 116 syarikat kurier seluruh negara bagi membanteras kegiatan pengedaran dadah yang memanipulasikan syarikat perkhidmatan itu untuk mengedar dadah.

Kejayaan Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan menggagalkan 44 kes penyeludupan pelbagai jenis barangan membabitkan rampasan bernilai RM10.6 juta sepanjang Op Wawasan Kelantan yang dilaksanakan bermula 16 Disember 2019 sehingga 12 Januari lalu turut membanggakan.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7 Kuantan, Superintendan Azhari Nusi berkata; kejayaan terbesar PGA ialah rampasan dadah jenis syabu seberat 100 kilogram bernilai RM7 juta manakala rampasan kedua tertinggi membabitkan sembilan kes berkaitan dengan veterinar berjumlah RM1.4 juta.

Pada 10 September tahun lalu, polis menumpaskan satu sindiket penyeludupan dadah antarabangsa apabila merampas 12 tan kokain dicampur dengan arang batu

bernilai RM2.4 bilion dalam tiga kontena di Terminal Kargo Utara Butterworth, Pulau Pinang.

Bagi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan, 48 kes tangkapan dilaporkan sejak Januari sehingga Mei tahun lalu melibatkan nilai rampasan berjumlah RM1.13 juta.

Pada 29 Ogos 2019, Pasukan Polis Marin (PPM) Sandakan berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 960,000 batang rokok bernilai RM6.024 juta dari Filipina ke Sandakan.

Walaupun pelbagai rampasan berjaya dilakukan, namun aktiviti penyeludupan seakan-akan sukar dikekang. Pelbagai langkah juga telah diambil oleh kerajaan dalam menangani isu itu.

Media pada 23 Disember 2018 melaporkan, usaha kerajaan memasang sebanyak 69 alat pengimbas di seluruh pintu masuk ke negara ini adalah langkah menangani isu penyeludupan, khususnya rokok, menjelang hujung tahun 2019.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, ia membabitkan 55 alat pengimbas kontena yang akan dipasang di pelabuhan dan kawasan sempadan, manakala lapan bagi bagasi dan enam (tubuh) yang akan digunakan di lapangan terbang di seluruh negara.

Menurut Guan Eng, ia bagi membolehkan penguatkuasaan ke atas penyeludup dan penjual rokok putih ditingkatkan sekali gus mengurangkan ketirisan sehingga RM5 bilion akibat kegiatan itu.

\* Pupe Rahaizad Darsono ialah Penolong Editor Sinar Harian